

0265

U B954 AAB  
MAHATHIR - PADI R R R

SUNGAI PETANI, 23 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGUMUMKAN BAHAWA KENAIKAN SUBSIDI PADI DARIPADA \$10 MENJADI \$15 SEPIKUL BERKUATKUASA MULAI MUSIM MENUAI 1 JULAI LEPAS.

PERDANA MENTERI BERKATA LANGKAH ITU DIAMBIL KERANA SEJAK DIUMUMKAN PADA 16 OGOS LALU, BELIAU TELAH MENERIMA RAYUAN AGAR PARA PETANI YANG TELAH SELESAI MENUAI BAGI MUSIM INI JUGA DAPAT MENIKMATI KENAIKAN ITU.

+DENGAN PENGUMUMAN TERBARU INI, SESIAPA YANG SUDAH MENJUAL PADI MUSIM INI AKAN (JUGA) MENERIMA TAMBAHAN SUBSIDI ITU DENGAN MENUNJUKKAN RESIT PENJUALAN MASING-MASING,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS BERUCAP PADA PERHIMPUNAN RAKYAT DI PADANG AWAM SUNGAI PETANI DI SINI.

BELIAU BERKATA JUMLAH TUNGGAKAN TIDAKLAH TINGGI KERANA IA BERKUATKUASA PADA PERTENGAHAN TAHUN.

UNTUK TEMPOH SETAHUN, KATANYA, KENAIKAN ITU MELIBATKAN TAMBAHAN SEBANYAK 3135 JUTA, DAN BAGI TAHUN INI, IA HANYA SEPARUH DARIPADA JUMLAH ITU. -- LAGI

1928MST 23 08 90

0273

U B957 AAB  
MAHATHIR - PADI 2 SUNGAI PETANI R R R

+INI BUKAN BERMOTIF POLITIK TETAPI IALAH KERANA KERAJAAN BARISAN NASIONAL (BN) INSAF AKAN NASIB RAKYAT DAN AKAN BERBUAT APA SAHAJA YANG BOLEH DIBUAT UNTUK RAKYAT. SUBSIDI INI JUGA UNTUK MEMBOLEHKAN RAKYAT HIDUP LEBIH SEJAHTERA,+ KATA BELIAU.

SEMASA BERUCAP DI PULAU PINANG AHAD LEPAS, PERDANA MENTERI TELAH BERKATA BAHAWA PENAMBAHAN SUBSIDI SEBANYAK \$5 ITU DAPAT MENGELAKKAN KENAIKAN HARGA PADI DAN BERAS YANG BOLEH MENJEJASKAN ORANG RAMAI, KHUSUSNYA GOLONGAN MISKIN.

KATANYA PENANAM PADI BOLEH MENDAPAT WANG YANG BANYAK KALAU HARGA PADI DINAikkan TAPI KERAJAAN TIDAK MENAikkan HARGA PADI KERANA +BANYAK ORANG MAKAN NASI TERMASUK GOLONGAN MISKIN+.

MENGENAI PERSIAPAN BN MENGHADAPI PILIHAN RAYA, BELIAU BERKATA IA SUDAH BERSEDIA DAN SEKARANG SEDANG BERUSAHA UNTUK MEMASTIKAN PERJALANAN JENTERANYA LEBIH SEMPURNA.

INI TERBUKTI DENGAN KEJAYAAN BN PADA PILIHAN RAYA KECIL KIJAL DI TERENGGANU BARU-BARU INI, KATANYA.

DITANYA MENGENAI TARIKH PILIHAN RAYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA AKAN DIADAKAN +PADA BILA-BILA MASA SAHAJA+ SAMBIL MENINGATKAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG SUPAYA +BERSIAP SEDIAHALAH+. --

LAGI

1943MST 23 08 90

D278

U B960 AAB  
MAHATHIR - PADI 3 SUNGAI PETANI R R R

MENGENAI PEMBANGUNAN DI SUNGAI PETANI, BELIAU BERKATA PEMBINAAN LOJI PEMBERSIHAN AIR PINANG TUNGGAL IALAH ANTARA USAHA KERAJAAN UNTUK MENINGKATKAN KEMUDAHAN ASAS KAWASAN ITU DAN KAWASAN-KAWASAN INDUSTRI BERHAMPIRAN.

BELIAU BERKATA SEBANYAK 500 HEKTAR KAWASAN INDUSTRI BARU DI SINI AKAN DIBUKA UNTUK MENEMPATKAN PARA PELABUR DAN SEHINGGA INI BEBERAPA SYARIKAT BESAR SEPERTI MISTSUBISHI DAN MATSUSHITA TELAH MEMOHON UNTUK MELABUR.

PRESIDEN MIC DATUK SERI S.SAMY VELLU, PRESIDEN GERAKAN DATUK SERI DR LIM KENG YAIK, PRESIDEN MCA DATUK SERI DR LING LIONG SIK DAN MENTERI BESAR KEDAH DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF TURUT BERUCAP PADA MAJLIS ITU .

KESEMUA PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BN TELAH MEMBANGKITKAN PELBAGAI ISU TERUTAMA MENGENAI FITNAH DAN TOHMAHAN YANG DILEMPARKAN OLEH PARTI PEMBANGKANG KEPADA KERAJAAN. -- BERNAMA  
1953MST 23 08 90